



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) KEDAH, 2025

Ekonomi negeri Kedah berkembang sebanyak 4.1 peratus pada 2025

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI KEDAH, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Ekonomi Kedah meningkat kepada 4.1 peratus pada tahun 2025 dengan nilai KDNK RM56.3 bilion berbanding RM54.1 bilion pada tahun sebelumnya."

Dari aspek komposisi ekonomi Kedah pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri ini dengan sumbangan sebanyak 56.0 peratus. Seterusnya, sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing menyumbang 30.1 peratus dan 10.5 peratus. Sektor Pembinaan pula mencatatkan sumbangan sebanyak 2.5 peratus, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian yang menyumbang sebanyak 0.2 peratus.

Sektor Perkhidmatan berkembang 3.9 peratus dengan nilai ditambah RM31.5 bilion berbanding RM30.3 bilion pada tahun 2024. Pertumbuhan positif sektor ini didorong oleh subsektor Perkhidmatan Kerajaan dan subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang meningkat masing-masing 6.2 peratus dan 3.5 peratus.

Sektor Pembuatan turut meningkat 5.0 peratus dengan nilai KDNK RM16.9 bilion pada tahun 2025. Pertumbuhan sektor ini disokong oleh produk Elektrik, elektronik dan optikal yang bertumbuh 4.8 peratus, begitu juga dengan produk Mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang bertumbuh 7.5 peratus.

Pada masa yang sama, sektor Pertanian meningkat 2.1 peratus, dengan nilai KDNK RM5.9 bilion. Ia disumbang oleh pertumbuhan 3.6 peratus dalam subsektor Tanaman terutamanya tanaman kelapa sawit dan sayur-sayuran serta peningkatan dalam subsektor Perikanan (Perikanan laut), 2.0 peratus.

Sebaliknya, sektor Pembinaan menyusut 0.6 peratus pada tahun 2025 (2024: -11.7%) dengan nilai ditambah RM1.4 bilion. Prestasi sektor ini dipengaruhi oleh penguncupan subsektor Pembinaan bangunan iaitu sebanyak negatif 12.2 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas masing-masing berkembang 3.5 peratus dan 13.0 peratus, sekali gus mengimbangi kejatuhan sektor ini.


Bagi KDNK per kapita, Kedah mencatatkan RM28,537 iaitu peningkatan sebanyak RM1,226 berbanding RM27,311 pada tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Kedah, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

KEDAH GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Kedah's economy expanded by 4.1 per cent in 2025

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published the **KEDAH GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The Kedah economy grew 4.1 per cent in 2025 with a GDP value of RM56.3 billion as compared to RM54.1 billion in the previous year."

In terms of the composition of the Kedah economy in 2025, the Services sector dominated the state's economy with a contribution of 56.0 per cent. Next, the Manufacturing and Agriculture sectors contributed 30.1 per cent and 10.5 per cent respectively. The Construction sector recorded a contribution of 2.5 per cent, while the Mining & quarrying sector contributed 0.2 per cent.

The Services sector grew by 3.9 per cent, recording a value added of RM31.5 billion as compared to RM30.3 billion in 2024. The positive growth of this sector was driven by the Government services subsector and the Wholesale & retail trade, food & beverage, and accommodation subsector which increased by 6.2 per cent and 3.5 per cent respectively.

The Manufacturing sector also increased by 5.0 per cent with a GDP value of RM16.9 billion in 2025. The growth of this sector was supported by Electrical, electronic and optical products which grew by 4.8 per cent, as well as Non-metallic minerals, basic metals and fabricated metal products, of 7.5 per cent.

At the same time, the Agriculture sector increased by 2.1 per cent with a GDP value of RM5.9 billion. This was contributed by 3.6 per cent growth in the Crops subsector, especially in oil palm and vegetables, as well as an increase in the Fisheries (Marine fisheries) subsector by 2.0 per cent.

Contrarily, the Construction sector contracted 0.6 per cent (2024: -11.7%) with an added value of RM1.4 billion. The performance of this sector was influenced by a 12.2 per cent decline in the Building construction subsector. However, the Civil engineering and Specialised construction activities subsectors expanded by 3.5 per cent and 13.0 per cent respectively, thereby offsetting the sector's decline.


In terms of GDP per capita, Kedah recorded RM28,537, an increase of RM1,226 from RM27,311 in the preceding year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Kedah's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**